



# Wartisan

Wartisan

KDN 7890

KELUARAN 15 1991  
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



## **LAGU: SETIA BERSAMA**

*Bersama setia pemimpin dan Rakyat  
seiya sekata menambahkan erat  
dijinjing yang ringan, yang berat dipikul  
sejalan seiringan dengan rasa syukur*

*Jika ada kekusutan  
dicari penyelesaian  
demi hari muka  
Negeri Sembilan*

*Setia kepada Raja  
pemimpin serta negara  
berbakti dengan jujur  
Negeri aman makmur*

*Kegunung sama didaki  
kelurah sama turuni  
biar ikhlas berusaha  
demi negeri tercinta*

*Bagai aur dengan tebing  
saling perlu memerlukan  
rakyat dan pemimpin  
tidak mungkin dipisahkan*

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

1.	Baba bin Ludek	7 - 23
2.	Wira Negara	24 - 28
3.	Sejarah Lukut	29 - 37
4.	Adat Istiadat Menjemput Datuk Lembaga	38 - 46
5.	Prosedur Pertabalan Yang Dipertuan Besar	47 - 49
6.	Sejarah Tampin	50 - 55
7.	Marhum Muhammad Said bin Jamaluddin	56 - 58
8.	Perkampungan Orang Asli Tekir	59 - 66



**DATO' SERI UTAMA TAN SRI  
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD,  
S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C.  
Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus**



فوجابه مenteri بس  
نڬري سنبيلان  
طائفة

Telefon: Seremban 722421 & 722311  
PEJABAT MENTERI BESAR,  
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,  
70502 SEREMBAN.

## KATA-KATA ALUAN

**U**saha menyingkap semula bahan-bahan sejarah di negeri ini dengan membukukannya secara bersiri dalam 'Jurnal Warisan' ini adalah satu-satunya langkah yang amat tinggi nilainya.

**P**emparan segala bentuk bahan ini secara tidak langsung akan menyuburkan kekayaan sejarah yang dimiliki, supaya ia tidak pupus ditelan waktu dan terhindar dari ingatan generasi baru.

**M**aka itu, amat wajar bagi usaha-usaha penyelidikan dan diperhebatkan oleh tenaga-tentara sejarah di negeri ini dengan harapan agar usaha pengumpulan bahan-bahan sejarah agar usaha pengumpulan bahan-bahan sejarah yang berupa lisan, tulisan dan objek akan dapat didengar, dilihat dan ditatapi oleh pewaris bangsa kemudian hari kelak.

**D**i samping itu, penghayatan bahan-bahan sejarah ini sudah pasti akan dapat menghidupkan tahap kecenderungannya dengan pelbagai aktiviti sampingan yang dianjurkan baik menerusi jabatan mahupun badan pemelihara dan pengembang sejarah seperti ini.

**S**emoga kelahiran jurnal terbaru ini akan dapat memperlengkapkan lagi pengetahuan sejarah masyarakat sekalian yang tentunya dahagakan bahan-bahan seumpamanya.

Salam hormat,

*Mohd Samad*

(DATO' SERI UTAMA TAN SRI  
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)


## SIDANG REDAKSI WARISAN KE - 15



Tn. Hj. Hisham Hj. Omar  
AMN., ANS., PJK.



Tuan Haji Misan Mastor



Tuan Haji Ismail Hadi  
KMN., AMN., PMC., PJK.



En. Zulkapli Othman



En. Khalid Md. Yasin

*Pengerusi*

: Tuan Haji Hisham b. Haji Omar

*Ketua Pengarang*

: Tuan Haji Mohd Hisa b. Tahat

*Editor*

: Tuan Haji Ismail b. Hadi

*Setiausaha*

: Tuan Misan b. Mastor

: Encik Zulkapli b. Othman

: Encik Khalid b. Md. Yasin



## KATA-KATA ALUAN

*Assalamualaikum warahmatullah Hiwabarakatuh,*

*S*yukur Alhamdulillah kita berjumpa lagi dalam Jurnal Warisan Terbitan Ke15 ini. Semoga terbitan Warisan ini akan berterusan pengeluarannya pada setiap tahun bagi memenuhi hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Tan Sri Dato' Haji Mohd Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, agar Warisan ini menjadi tatapan, renungan dan sumber pengetahuan mengenai Sejarah Politik, Budaya, Tokoh dan peristiwa-peristiwa penting yang telah berlaku di Negeri Sembilan untuk kita jadikan panduan dalam kehidupan kita sekarang dan masa akan datang.

*K*ita harus merakamkan setiap peristiwa penting dan perubahan yang berlaku di samping mencungkil kembali Sejarah kewujudan dan peristiwa yang telah berlaku untuk tatapan generasi masa kini dan akan datang melalui Jurnal 'Warisan' ini.

*S*ekian, terima kasih.

(**HAJI MOHD ISA BIN TAHAT**)  
Ketua Pengarang,  
Persatuan Sejarah Malaysia/  
Negeri Sembilan.

**JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
1989-1991**

- Yang Di Pertua* : Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, SPNS., PSM., DSNS., PMC.  
(Menteri Besar, Negeri Sembilan Darul Khusus).
- Naib Yang Di Pertua* : Tuan Haji Sa'ari bin Hasan, AMN., PKT., PIS.  
(Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus).
- Setiausaha Kehormat* : Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi,  
KMN., AMN., PMC., PJK.
- Penolong Setiausaha  
Kehormat* : Encik Zakaria bin Endon, PJK.
- Bendahari* : Encik Tilak Raj Sharma
- Ketua Pengarang* : Tuan Haji Mohd Hisa bin Tahat, PMC., PJK.
- Ahli-ahli J/kuasa* : Tuan Haji Hisham bin Omar,  
AMN., ANS., PJK.  
: Encik Zainalabidin bin Yusof, PPB., PMC.  
: Tuan Haji Hussain bin Salleh, PMC.  
: Encik Norhalim bin Haji Ibrahim  
: Tuan Syed Lood bin Syed Yusof

**WARISAN KE 16**

*Saudara/Saudari Penulis tanah air, hantarlah tulisan anda tentang Negeri Sembilan Drul Khusus kepada kami untuk dimuatkan dalam WARISAN yang akan datang.*

-- Ketua Pengarang --



## BABA BIN LUDEK

Oleh: MOHD JAAFAR BIN HAJI KASIM  
Maktab Perguruan Raja Melewar S'ban.

### FAMILI DAN PENDIDIKAN

Baba adalah anak tengah pada sebuah famili. Beliau mempunyai seorang adik, Abdullah, seorang pegawai Jabatan Kerja Raya (JKR). Halijah adalah anak sulung Encik Ludek, iaitu seorang yang berpandangan jauh dalam membekalkan pelajaran kepada anak-anaknya. Abdullah telah menerima pelajaran di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK), sebelum ke England untuk melanjutkan pelajarannya dibidang kejuruteraan.

Baba bin Ludek telah dilahirkan di Kampong Masjid, Chembong, Rembau di Negeri Sembilan, pada 15hb. Mei, 1912. Dari segi perbandingan Chembong yang terletak di antara perjalanan lebuhraya Seremban-Rembau itu, adalah merupakan sebuah desa yang terkedepan di daerah Rembau.

Chembong telah lama membangun. Kesedaran penduduk setempat akan pentingnya pelajaran, telah terjelma dengan ramainya anak-anak Chembong yang menjadi pemimpin kebanggaan luak ini. Allahyarham Datuk Abdullah Kadir, bekas Pengarah RISDA, Tan Sri Prof. Dr. Rashdan Baba, Naib-Chancellor Universiti Pertanian Malaysia adalah antara mereka yang dilahirkan di desa ini.

Allahyarham Datuk Sedia Raja Abdullah Haji Dahan, CBE, Undang Luak Rembau yang ke 18, 1922-1938, seorang nasionalis Melayu, Malaysia telah menyemenda dari Mukim Gadong, Kota, ke kampung ini. Datuk Abdullah, seorang "anggota Majlis Undangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang berpengetahuan Inggeris: itu telah menempa sejarah perjuangannya, kesan dari suasana dan kesedaran masyarakat desa ini.

Baba Ludek telah menerima pendidikan asasnya di Chembong, sebelum beliau melanjutkan pelajarannya ke Sekolah King George Ke 5, Seremban. Beliau lulus Peperiksaan Senior Cambridge, pada tahun 1931, semasa keadaan kemelesetan dunia sedang melanda Negeri-Negeri Melayu.

Allahyarham Baba Ludek telah berkahwin dengan orang sekampungnya. Hasil dari perkahwinan itu, beliau telah dianugerahkan dengan 6 orang anak, 2 lelaki dan 4 orang perempuan.

---

I William R. Roff, Nasionalisma Melayu, Diterjemahkan oleh Ahmad Boestamam, (Kuala Lumpur, 1975) h.237.

## PEKERJAAN DAN POLITIK

Setelah meninggalkan alam persekolahan, pada tahun 1931, beliau terus bekerja sebagai Appranti, di Jabatan Pertanian Selangor. Setahun kemudian, beliau telah bertukar ke Jabatan Kimia, yang pada masa itu dikenali sebagai Customs Laboratory.

Dalam sejarah hidup tokoh ini, secara aktif beliau telah menjadi tenaga serta daya penggerak kepada tiga buah pertubuhan politik yang pernah digiatinya. Persatuan Melayu Selangor, 1938-1946, UMNO Selangor, 1946-1950, dan Parti Negara 1954-1963.

Baba Ludek telah berhenti dari pekerjaannya pada tahun 1950. Beliau meletakkan jawatannya atas alasan bahawa kesihatannya selalu terganggu. Semenjak tahun 1953 hingga ke tahun 1969, beliau adalah merupakan Pengetua Sekolah Datuk Abdullah, sebuah sekolah swasta di luak Rembau<sup>2</sup>.

## BABA DAN PMS 1938-1946

Minat Allahyarham pada politik mula memasuki gearnya melalui PMS (Persatuan Melayu Selangor). "In 1943 he slid quietly into politics. He had joined the Persatuan Melayu Selangor, the first political party in the country.<sup>3</sup> Dengan ini bermulalah kegiatan politiknya disalorkan melalui aktiviti-aktiviti yang bercorak pertubuhan.

PMS telah ditubuhkan pada tahun 1938 di Kuala Lumpur. Tengku Ismail Tengku Mohd Yassin, seorang kerabat Diraja Negeri Sembilan, telah dipilih sebagai Presiden pertama PMS. Tengku Ismail telah diputerakan di Sri Menanti, Negeri Sembilan pada tahun 1901.

---

2 Terdapat dua buah sekolah bernama Sekolah Datuk Abdullah di daerah Rembau. Sebuah lagi ialah di Kampong Astana Raja, Kota. Sekolah ini dikenali dengan nama singkatnya SEMENDA (Sekolah Menengah Datuk Menengah).

3 The Malay Mail, 17th August, 1959.

Presiden pertama PMS, meninggal dunia semasa Jepun menduduki Negeri-Negeri Melayu. Baba Ludek, mula bergiat secara aktif dalam PMS, selari dengan semangat 'Asia Untuk Oaran Asia' yang sedang giat dititiup oleh Jepun. Kemangkatan Tengku Ismail, lantaran, serangan sakit jantung itu, walaupun dirasakan sebagai satu kehilangan tetapi ia tidaklah mencederakan kelicinan perjalanan PMS.

Dengan kebijaksanaan Baba Ludek sebagai Setiausaha PMS, maka sebanyak 14 buah pertubuhan-pertubuhan lain telah bergabung dengan PMS. PMS adalah merupakan salah sebuah pertubuhan yang pertama bersekutu dengan UMNO, apabila UMNO ditubuhkan pada 11hb. Mei, 1946.

Di Selangor, Allahyarham Baba Ludek, adalah merupakan ahli jawatankuasa

UMNO Kuala Lumpur Bandar. Pada Persidangan Agong UMNO, Disember, 1947, di mana usul membuka pintu UMNO kepada ahli-ahli perseorangan telah diterima, Baba Ludek dan Mohd Salleh Haji Hashim adalah merupakan perwakilan PMS.

Seperwakilan dengan Pateh Akhir, Kamisha bte Jamaludin, Suhaila Mohd Ali dan Abdul Samad Ahmad, seorang sasterawan tanah air, Baba Ludek adalah merupakan delegasi UMNO Selangor dalam Persidangan Agong UMNO di Arau, Perlis pada bulan Mei, 1949.

Sejak terasasnya UMNO pada tahun 1946, di Istana Besar, Johor Bharu, di mana piagamnya telah ditandatangani dan disahkan oleh 29 buah pertubuhan itu, maka tahun-tahun 1949-1951 adalah merupakan tahun-tahun trajis UMNO dalam soal-soal kewarganegaraan dan cadangan-cadangan untuk meminda perlumbagaan UMNO. Baba Ludek dan Alias Ahmad telah dilantik sebagai wakil-wakil UMNO Kuala Lumpur Bandar, apabila Yang Dipertua UMNO, Datuk Onn mengemukakan usul drastiknya dalam Persidangan Agong UMNO di Majestic Hotel, Kuala Lumpur pada bulan June, 1950.<sup>5</sup>

Sebenarnya, sejak UMNO Selangor ditubuhkan pada tahun 1946, Baba Ludek adalah merupakan Setiausaha Agongnya yang pertama. "In 1950, on his resignation for medical reason from the Government service, Encik Baba quit his secretary-generalship. He returned to him home town of Rembau.<sup>6</sup>

Sekembalinya beliau ke Rembau, "Baba seolah-olah cuba menyelindungkan belangnya sebagai seorang ahli siasah. Beliau terus menyepi dengan menjalankan sebuah perniagaan kecil di Rembau Store.

Di akhir-akhir tahun 1940'an dan pada awal-awal tahun 1950'an, UMNO Rembau seakan-akan mati tanpa kubur, lantaran campurtangan ahli-ahli politik, birokrasi dan aristokrasi dalam Institusi Kelembagaan Adat Perpatah Rembau. Persoalan tanah pusaka, perkahwinan yang berlawanan dengan lunas-lunas keislaman, telah menggugat masyarakat Melayu Rembau pada tahun-tahun tersebut. Datuk Abd. Samad Idris, semasa itu selaku Ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan, pernah menasihatkan pucuk pimpinan UMNO Rembau, agar berkecuali. "Kerana pendirian Datuk Lembaga tidak berganjak, UMNO Rembau tidak berhak campur tangan.."

Dalam suasana tegang itulah Baba Ludek kembali ke Rembau. Beliau bersunyi untuk setahun. "Here for a time Encik Baba faded from the picture as he regained his health. The following year he was back as active as ever."<sup>8</sup>

Dalam tempoh masa setahun itu, beliau seolah-olah cuba mencari satu formula penyelesai ke atas krisis yang melanda Rembau, dengan caranya tersendiri. Ini adalah sejarah dengan sifat inward looking atau pemendamnya.

Dengan desakan Abdul Hamid Mahmud,<sup>9</sup> seorang Guru Pelawat di Rembau, Baba Ludek telah kembali aktif semula dalam gamanya. "Saya tahu latar belakang yang ada padanya boleh memulihkan keadaan UMNO Rembau.<sup>10</sup> Dengan ikut sertanya Datuk Diraja Mohd Dom Yassin, seorang ahli Majlis Mesyuarat Negeri, Negeri Sembilan, yang juga seorang orang kanan dalam Institusi Pelembagaan Rembau, maka UMNO Rembau telah berjaya digerakkan semula.

4. Beliau adalah kakak Dr. Asmah Mohd Ali, isteri Perdana Menteri Malaysia, Dr. (Datuk Sri) Mahathir Muhamad.
5. Lihat Penyata UMNO Malaysia 1950-1951.
6. The Malay Mail, 17th August, 1959.
7. Utusan Melayu, 23hb. Julai, 1951.
8. The Malay Mail, 17th August, 1959.
9. Abdul Hamid Mahmud, telah dipilih sebagai calon Perikatan dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan, kawasan Rembau pada tahun 1955. Beliau menang dengan mengalahkan Abdul Hamid Ebok, calon Party Negara. Abdul Hamid Ebok adalah Ketua Party Negara, Bahagian Rembau.

Baba Ludek telah dilantik sebagai Pegawai Penerangan UMNO Rembau, sebelum beliau terpilih selaku Ketua UMNO Bahagian Rembau pada tahun 1952. Pada bulan April tahun tersebut beliau telah dipilih sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Sembilan yang dilantik. Lantikan tersebut kekal disandangnya sehingga tahun 1955, apabila dewan itu dibubarkan untuk pilihanraya pertama Persekutuan Tanah Melayu.

Baba Ludek telah dilantik menjadi Ketua UMNO Rembau semasa Mesyuarat Agongnya pada tahun 1952. Jawatan tersebut kekal dipegangnya sehinggalah beliau keluar dari UMNO, untuk menyertai PN(Parti Negara) pada awal tahun 1954. Jawatan Ketua UMNO Rembau kemudiannya telah diambil oleh Datuk Raja Diraja Mohd Dom bin Yassin.

### BABA LUDEK SEBAGAI ADUN 1952-1955

Pada permulaan tahun 1952, Baba Ludek telah dipilih sebagai seorang ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Negeri Sembilan. Beliau terus kekal memegang lantikan tersebut sehinggalah Dewan Undangan Negeri-negeri di Persekutuan Tanah Melayu dibubarkan sebelum pilihanraya pertama Persekutuan 1955.

Semasa menjadi ADUN yang dilantik, Baba Ludek telah cuba berbuat sesuatu untuk bangsa dan daerahnya. Adakah ini sebagai strategi di saat-saat pilihanraya atau kesedaran dirinya demi kepentingan bangsa dan luaknya, yang rata-rata Melayu itu? Ataupun segala apa yang diusul dan diperjuangkan semasa menjadi ADUN mahupun sebagai ahli Majlis Undangan Persekutuan itu bersifat bena fide atau mala fida adalah di luar kesanggupan tesis ini menerangkannya.

Satu yang jelas, "tiada lain pilihan saya untuk memegang jawatan Menteri Besar pertama Negeri Sembilan, sesudah pilihanraya Dewan Undangan Negeri, selain dari Allahyarham Baba Ludek. Walaupun akhirnya beliau bersatu dengan Datuk Onn tetapi pada saya beliau adalah berhati Melayu jati, dan ia adalah seorang nasional Melayu tulin."<sup>11</sup>

Dalam sidang dewan yang pertama dihadirinya, selepas dilantik menjadi ahli dewan tersebut, pada 15hb. April, 1952, beliau telah mengajukan persoalan, "What is the nature of the assistance given by RIDA to the kampung people in Negeri Sembilan? Are all such assistance given accordance with the aims and objects of RIDA, that" kerana Rembau, adalah kawasan terbesar Melayu, maka semangat memajukan Rembau sebagai kawasan Melayu telah mendapat tempat utama pada dirinya.

Sejak dilantik menjadi ADUN 1952/1955, Baba Ludek sering menimbulkan soal mendirikan sebuah hospital di daerah Rembau. Pada tahun 1952 beliau bertanya, "Is it included in any Governmentscheme that Rembau should have a hospital? If the answer is in affirmative, please state when the Government propose to build it."<sup>12</sup> Dan dalam persidangan dewan terakhir untuk tahun 1954, kembali lagi beliau mengajukan soalan yang sama, "What action has been taken by Government since my resolution to establish a Hospital at Rembau, when the inhabitants of Rembau be able to see a hospital erected at Rembau."

Selain daripada persoalan kesihatan untuk rakyat, Baba Ludek juga telah memperjuangkan kemajuan rakyat Rembau akan pembangunan dan infrastruktur. Pada tahun 1952 beliau meminta agar Pusat Kebajikan Masyarakat didirikan di

10. Hasil temuramah penulis dengan Encik Abdul Hamid Mahmud, PJK., JP. (Rembau, Negeri Sembilan) Allahyarham, bekas salah seorang anggota Exco pertama Negeri Sembilan.
11. Hasil temuramah penulis dengan Datuk Abdul Samad Idris, JMN., AMN., PJK. (Wisma Keramat, Kuala Lumpur) Bekas, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.
12. Council of State Negeri Sembilan, op cit.

Rembau. Pada sidang akhir dewan 1954, Baba Ludek telah menggesa kerajaan negeri membekal serta menyegerakan bekalan air dan tenaga letrik untuk daerah Rembau.

Kini di Rembau telah ditempatkan sebuah Pusat Pemulihan Wanita dan Pusat Latihan Perbidanan dan Jururawat Desa Malaysia. Hampir 90 kawasan di luak Rembau telah pun menikmati bekalan air dan letrik. Hospital yang di suara lantangkan oleh Allahyarham Baba Ludek dalam sidang-sidang dewan sejak tahun 1952 hingga 1955 itu, hanya merupakan sebuah Pusat Kesihatan kecil Rembau sahaja.

## AHLI MAJLIS MESYUARAT PERSEKUTUAN

Bersama-sama dengan Peguam Negara Dr. A. B. Farrel, Menteri Besar Perlis, Datuk Haji Mohammed Razalli bin Haji Mohd Ali Wasi, Dr. Lim Chon Nu, Dr. P. Brower, Encik P. Hence, Nik Hussein Nik Kainal, Mohammed Khir Johari, Mr. J.K. Cumming dan Encik Baba Ludek telah mengangkat sumpah sebagai ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan pada 39hb. Mac, 1955.<sup>13</sup>

Dalam persidangan-persidangan dewan Baba Ludek telah menggunakan segala kesempatan yang ada untuk membuat pembelaan ke atas orang-orang Melayu, yang rata-rata miskin itu. Di antara usul-usul yang ikut serta beliau debatkan ialah dalam dua usul, di mana keduanya dapat diamalkan kira mencerminkan pendiriannya kepada bangsa Melayu. Baba Ludek telah memberikan pandangannya berkenaan dengan peruntukan sebanyak \$15 juta oleh kerajaan Persekutuan kepada penanam-penanam padi. Beliau juga telah membela usul rakan sepertinya, Mohammed Rashid Haji Ahmad berkenaan Industri Perikanan.

Allahyarham Baba Ludek telah juga membangkitkan perbuatan diskriminasi colonial ke atas kaum-kaum di Tanah Melayu. Pertanyaan beliau kepada Setiausaha Pertahanan dalam perdebatan dewan pada 4hb. Mei, 1955, membuktikan kenyataan ini, "..... whether it is true that if a Chinese personal in the Federation Forces including the Home Guard, ..... is killed in action against the terrorists it is customary to pay \$120 for the funeral expenses, but that the members of other races only 460 is paid."<sup>14</sup>

Masalah dikriminasi yang ditimbulkan oleh Baba Ludek itu adalah berasaskan kepada satu kenyataan. Jawapan A.H.P. Humprey, Setiausaha Pertahanan, membenarkan kesahan kenyataan itu. "The reply is that since the 1st November, 1953, there has been no difference on the grounds of the race."<sup>15</sup>

## BABA LUDEK SEORANG PENDIDIK

Walaupun semasa hidupnya beliau pernah mengeluh, "Put the people have forgotten all that and I don't blame them."<sup>16</sup> Politician yang lahirnya untuk tewas ini, tidak lari dari menerima sanjungan masyarakatnya. Beliau adalah pendidik dan telah meninggalkan sesuatu, yang kini diakui oleh penduduk daerahnya sebagai harta rakyat. Sebenarnya inilah satu-satunya brain-child Allahyarham.

Dewan Undangan Negeri Sembilan pada tahun 1954, telah diberitahu bahawa terdapat seramai 900 orang murid-murid di seluruh Negeri Sembilan yang tidak mendapat tempat di sekolah-sekolah Inggeris kerajaan. Rembau telah lama menyedari akan hakikat ini. Justeru kerana itu, sebuah kelas telah dibuka pada tahun 1948, bertempat di bangunan Klub Melayu Rembau. Kelas tersebut adalah kelas swasta.

13. Lihat Proceedings of the Legislative Council of the Federation of Malaya, (Eighth Session) March, 1955 to June, 1955, (Kuala Lumpur, 1956), P.6.

14. IBID. P.224.

15. IBID.P.224

16. The Malay Mail, 17th August, 1959.

Pada tahun 1952, satu insiden telah terjadi. Insiden itu pada Baba Ludek adalah, "his first major clash with the government."<sup>17</sup> Pertelagahan tersebut adalah berpunca dari usaha kerajaan Inggeris mencaci dan menghina sebuah kelas swasta Maleyu, aliran Inggeris yang sedang berjalan di Klub Melayu Rembau. Pada masa itu kerajaan Inggeris telah pun membuka sebuah sekolah Inggeris di Rembau. Berpunca dari perbalahan tersebut, Baba Ludek telah membuat satu senarai murid-murid lelaki dan perempuan, cukup untuk dua buah kelas. Nama-nama tersebut adalah terdiri dari murid-murid yang gagal mendapatkan tempat di sekolah Inggeris kerajaan. Insiden tersebut berakhir, apabila Pengarah Pelajaran besetuju. "that Incek Baba could have his school."<sup>18</sup>

Sekolah tersebut telah dinamakan sebagai Sekolah Datuk Abdullah (DAS), sempena nama Undang Luak Rembau yang ke 18. Kelas yang ditumpangkan di bangunan Kelab Melayu Rembau sejak tahun 1948 itu, akhirnya bersatu dan berpindah ke bangunan barunya, yang telah dibuka pada tahun 1953. Kini ia masih aktif.

Allahyarham Baba Ludek adalah merupakan Pengetua pertama sekolah tersebut sehingga kematianya pada 18hb. Mac, 1969. Kemudian ia diambil alih untuk sementara waktu oleh Encik Mahfus, anak Allahyarham. Sekarang DAS berada dibawah pentadbiran Encik Mohd Said bin Jata, Pengetua ke4nya.

### BABA LUDEK SESUDAH PN -

Baba Ludek akhirnya meletakkan jawatannya sebagai Yang Dipertua Agong dan terus keluar dari PN Persekutuan Tanah Melayu pada 27hb. Disember, 1963. Beliau telah menarik diri dari jawatan tertinggi parti kerana, ".....keuzuran pada diri saya, saya telah dinasihatkan oleh Doktor supaya berehat dan jangan bergerak cergas dalam serba perkara yang merunsingkan otak".

Berikut dengan perletakan jawatan tersebut Carieb Raouf telah dilantik sebagai Pemangku Yang Di-pertua Agong PN. Carieb Raouf pernah bertanding dalam pilihanraya kecil Parlimen Terengganu Selatan pada tahun 1962. Beliau telah gagal untuk mempertahankan kerusi yang dikosongkan kerana kematian Datuk Onn Jaafar itu. Berikut dengan pilihanraya tersebut juga, Garieb Raouf telah dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan Akta Hasutan Pilihanraya. Beliau telah dibela oleh Captain Hussein Onn, sementara Hanifi Omar bertindak di pihak pendakwa. Carieb akhirnya meninggalkan PN pada akhir tahun 1965.

Pada tahun 1964, Allahyarham Baba Ludek telah dipilih sebagai calon Parti Demokratik Bersatu (UDP) untuk kawasan Parlimen Rembau-Tampin dan kawasan Dewan Undangan Negeri Terentang. Dalam kedua pertandingan tersebut beliau telah tewas.

Baba Ludek telah keluar dari UDP pada 17hb. November, 1964. Daian: surat penarikan dirinya beliau menulis, "..... it is only proper for me to go a little further, that is to resign as a member of the Party.... I have nothing against the Central Committee but I feel that I have been a liability to the Party not an asset."<sup>20</sup>

17. The Malay Mail, 17th August, 1959.

18. Ibid.

19. Surat Baba Ludek, kepada Setiausaha Agong Party Negara, (Sungei Serai, Ulu Langat, Selangor. 27hb. December, 1963).

20. Surat Baba Ludek, kepada Lawrence H.C. Huang, United Democratic Party HQ. 32-A, jalan Silang, Kuala Lumpur, 17th November, 1964.

Kenapakah Allahyarham sebagai seorang nasionalis tulin Melayu tergamacik memasuki UDP?" "Allahyarham Tun Abdul Razak pernah mengarahkan saya memujuknya agar kembali semula ke dalam UMNO. Tun Razak berjanji untuk memberikan kerusi Senator kepadanya."<sup>22</sup> Kenapakah Allahyarham Baba Ludek menolak sistem patronage saranan Tun Abdul Razak itu?

"Sebenarnya saya menggunakan nama UDP itu bukanlah dari hati Melayu saya, tetapi terdesak oleh masa dan keadaan sebagai menduga kejujuran bangsa-bangsa asing itu. Saya didorongkan oleh ahli-ahli Perikatan seluruh Negeri Sembilan, khasnya UMNO"<sup>23</sup> Jadi Baba Ludek memasuki UDP adalah sebagai seorang perisik Melayu ditengah gelanggang bukan Melayu.

Kembalinya Baba Ludek ke pangkuhan UMNO telah menghampirkan beliau dengan mautnya. "Dari dahulu lagi saya niatkan agar Allahyarham dikapangkan dengan bendera UMNO. Niat saya itu, seolah-olah dimakbulkan Tuhan. Saya rasa puas."<sup>24</sup>

Allahyarham Baba bin Ludek, a born loser, telah meninggal dunia pada 18hb. Mac, 1969. "setelah mengidap sakit batuk dan sakit dada...."<sup>25</sup> Jenazah Allahyarham telah dikebumikan di Tanah Perkuburan Kampong Pancang, Rembau, Negeri Sembilan. Beliau mati, 34 hari sesudah rujuk dengan UMNO.

## BABA LUDEK BAYANGAN DATUK ONN

Allahyarham Baba Ludek, yang telah melompat dari UMNO ke PN pada awal tahun 1954 itu, telah mula dilantik sebagai salah seorang ahli Jawatankuasa Kerja Agong PN Persekutuan Tanah Melayu pada 13hb. Ogos, 1954, semasa sidang ke 7 jawatankuasa tersebut.

Semenjak dari perlantikan itu, Baba Ludek terus kekal sebagai salah seorang pemimpin pusat PN. Oleh kerana kepercayaan Pegawai-pejawai Negara serta Jawatankuasa Kerja Agong parti, maka di antara tahun 1957-1959, beliau telah dipilih sebagai Setiausaha Agong PN Persekutuan Tanah Melayu.

Semasa menjadi Setiausaha Agong PN, Baba Ludek secara jujur mengakui bahawa PN sedang mengalami zaman kejatuhanya. "According to the records at Party Headquarters, there were 257 branches in Mac, 1957 but eight month later there were only 160. The Secretary -General of the party, Encik Baba bin Ludek, has asked the Central Working Committee to consider the 97 branches from which "no news has been received" as being been dissolved."<sup>26</sup>

Sebelum pilihanraya tahun 1959, Baba Ludek telah menyarankan, "that Party Negara would find a difficult to manage alone in the next elections."<sup>27</sup> Hasil daripada saranan itu maka Datuk Onn, Baba Ludek, K.V. Thaver, S.U.K. Ubaidulla dan Datuk Syed Abdul Kadir, "were appointed to be responsible for the merger with the other parties."

Pada tahun 1960, persidangan Kebangsaan PN di Kota Bharu, Kelantan telah melantik Baba bin Ludek sebagai salah seorang daripada Naib Yang Dipertua parti. Jawatan yang ketiga pentingnya dalam hiraki PN

21. Hasil temuramah penulis dengan Datuk Abdul Samad Idris, JMN., AMN., PJK. (Wisma Keramat, Kuala Lumpur) Bekas, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.
22. Hasil temuramah penulis dengan Tuan Haji Redza Haji Said (Balai resmi Kediaman Undang Luak Rembau, Rembau) Bekas Adun Terentang, Bekas Exco Negeri Sembilan.
23. Surat Baba Ludek, kepada Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil, (No. 9, Jalan Kenny Slekok, Kuala Lumpur, 4hb. Mei, 1964).
24. Hasil temuramah penulis dengan Datuk Abdul Samad Idris, JMN., AMN., PJK. (Wisma Keramat, Kuala Lumpur) Bekas Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.
25. Utusan Malaysia, 20hb. March, 1969.
26. Straits Times, 9th February, 1959.
27. The Malay Mail, 19th February, 1959.

"Sekiranya yang pertama tidak ada, orang yang kedua akan mendukungnya. Tetapi sudah kehendak Tuhan, Timbalan melompat ke parti lain dan Yang Dipertua pula terpaksa bersara dari politik kerana menyahut panggilan Illahi. Dengan demikian saya mendukung bebannya."<sup>28</sup> Dalam keadaan ini, mahu tidak mahu di antara bulan Januari ke bulan Ogos tahun 1962, Baba Ludek terpaksalah memikul tanggungjawab selaku Pemangku Yang Dipertua Agong PN.

Dalam masa yang sama, mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agong pada 5hb. Jun, 1962 telah "..... memutuskan dan bersetuju supaya Setiausaha Agong, Encik Garieb Raouf menulis surat kepada:-

- (a) Datuk Zainal Abidin Haji Abas,
- (b) Raja Ayoub bin Raja Bot,
- (c) Captain Hussein Onn,
- (d) Baba bin Ludek.

Apakah mereka bersetuju sekiranya dicalonkan dalam Persidangan Kebangsaan nanti sebagai Yang Dipertua Agong."<sup>29</sup>

Dalam keadaan tercari-cari akan pengganti Datuk Onn itulah Persidangan Kebangsaan Negara tiba. Di bandar Kuala Trengganu, di mana persidangan tersebut diadakan Baba Ludek adalah merupakan calon tunggal untuk jawatan tersebut. Inilah kemuncak pencapaian beliau dalam PN. Puncak itu adalah pula peringkat penentuan rebah bangunnya PN Persekutuan Tanah Melayu.

"Encik Baba Ludek seorang yang jujur dan ikhlas dalam kira bicaranya dan tidak segan-segan mengemukakan buah fikirannya dalam apa jua masalah untuk kepentingan parti."<sup>30</sup> Sebagai seorang Jawatankuasa Pusat parti beliau tidak gentar untuk menentang Datuk Onn. "I have been oleshad with Datuk Onn, the party chief. And I am not frightened of doing it again if necessary."<sup>31</sup>

"Allahyarham Baba Ludek, masih kekal sebagai Ketua UMNO Rembau, semasa penubuhan IMP, tetapi kerana salah faham berkenaan Perikatan UMNO-MCA dijalankan, beliau terus masuk ke Party Negara dan semenjak itu di mana Datuk Onn berada Allahyarham seolah-olah pasti bersama."<sup>32</sup> "Perhubungan Allahyarham dengan Datuk Onn, bahkan juga dengan ahli keluarga Datuk Onn agak rapat sekali."<sup>33</sup>

## KRISIS PUCUK PIMPINAN PN

Tempoh masa perkhidmatan Baba Ludek sebagai Yang Dipertua Agong PN Persekutuan Tanah Melayu di antara Ogos, 1962 sehingga Disember, 1963 itu dikatakan sebagai peringkat penentuan akhir hidup matinya PN adalah kerana membikinya konflik dalam pucuk pimpinan parti. Konflik itu telah mula muncul sejak ketidakupayaan Allahyarham Datuk Onn lagi.

- 
- 28. Baba Ludek, Ucapan Perdana, Pemangku Yang Dipertua Agong di Persidangan Kebangsaan Negara, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Trengganu, Trengganu, 23hb. Ogos, 1962.
  - 29. Butir-butir Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agong, Party Negara Persekutuan Tanah Melayu, Balai Istana Kolam, Kuala Trengganu, Trengganu, 5hb. Jun, 1962.
  - 30. Surat Tan Sri Datuk Nik Ahmed kamli, (P.O. Box 44, Petaling Jaya, Selangor), kepada penulis, 29hb. Jun, 1977
  - 31. The Malay Mail, 17th august, 1959.
  - 32. Hasil temuramah penulis dengan Shamsuddin Dewa, (Kampung Semerbok, Kota, Negeri Sembilan) Bekas Ktua Petra Negara Bahagian Rembau.
  - 33. Hasil temuramah penulis dengan Maamor Haji Pandak, (Kampung Istana Raja, Kota, Rembau) Allahyarham, Bekas Wakil Perabadi Baba Ludek.

Berikutan dengan lawatan Baba Ludek ke Kuala Trengganu, pada awal tahun 1963, beliau telah menerima berbagai kecaman dari Komplot Pantai Timur. Di antaranya ialah, "..... beberapa muka surat dalam tulisan Jawi dan ditandatangani oleh 11 orang ahli PN. Pengarangnya ialah orang yang biasa bertukar fikiran dengan Yang Dipertua dalam soal kesulitan Party Negara..... surat itu bukan sahaja menuduh Yang Dipertua Agong seorang tetapi semua ahli jawatankuasa di Pantai Barat."<sup>34</sup>

Kemuncak pergeseran pucuk pimpinan ini telah mencetuskan usul undi tidak percaya kepada pimpinan Baba Ludek. Komplot Pantai Timor, yang berpusat di Kuala Trengganu cuba membentangkan, "Satu usul undi tidak percaya kepada Baba Ludek, Yang Dipertua Agong Party Negara,..... kerana semata-mata hendak memperkecilkan jasa Garieb Raouf..... dan menuduh Baba Ludek orang yang bertanggungjawab memainkan peranan yang penting dalam usaha hendak menggabungkan Party Negara dengan UDP.... Langkah memindahkan Ibu Pejabat Party Negara ke Kuala Lumpur itu ialah langkah pertama untuk mendekatkan kedua buah parti politik yang berlainan ideologi itu."<sup>35</sup>

Dalam keadaan penuh krisis inilah Baba Ludek menarik diri dari jawatan Yang Dipertua Agong Parti Negara pada 27hb. Disember, 1963. Penarikanini adalah petunjuk kegagalan beliau menghadapi krisis dalam parti. Kewajipan yang ditinggalkan oleh Allahyarham Datuk Onn Jaafar telah gagal dipenuhi oleh Baba Ludek.

## PN SEBUAH WADAH

Di Negeri Sembilan, bahkan juga di lain-lain negeri ini PN adalah merupakan wadah perlarian orang Melayu dari UMNO. PN adalah merupakan wadah perlarian orang-orang Cina dari MCA. PN juga adalah merupakan wadah untuk MIC. Justeru itu, PN adalah parti himpunan orang lompat melompat dari Perikatan. PN ditonjolkan sebagai wadah para perajuk politik Persekutuan Tanah Melayu.

B.H. Tan, Setiausaha PN Seremban Bandar, satu-satunya calon bukan MelayuPN, untuk pilihanraya 1955, adalah bekas orang kuat MCA Seremban. Beliau merupakan Pengerusi, Jawatankuasa Kecil Buruh MCA Seremban. B.H. Tan seperti yang dilaporkan oleh Warta Negara memasuki PN kerana perselisihan faham berkenaan dengan penyusunan buruh-buruh Cina dan dasar mengurangkan kerja-kerja kebajikan di kampung-kampung Baru Cina di Negeri Sembilan."<sup>36</sup>

A.S. Daud, ahli Dewan Undangan Negeri Sembilan 1953, yang juga Setiausaha Dewan Perniagaan India Negeri Sembilan, adalah bekas orang kuat MIC Seremban. Datuk Ujang Menaung, calon PN, untuk dewan Mesyuarat Persekutuan kawasan Negeri Sembilan Utara pada tahun 1955, adalah seorang perlarian dari UMNO.

Di Rembau, Baba Ludek yang menjadi calon PN untuk pilihanraya-pilihanraya Dewan Persekutuan kawasan Negeri Sembilan Selatan tahun 1955, kawasan Parlimen Rembau-Tampin 1959 dan Dewan Undangan Negeri Sembilan kawasan Kota tahun 1959 itu adalah bekas Pengerusi UMNO Bahagian Rembau. Begitu juga calon-calon PN untuk Dewan Negeri kawasan Rembau 1955, Abdul Hamid bin Ebok, dan Alias bin Abdul Rahman untuk kawasan Dewan Undangan Negeri Terentang pada tahun 1959 adalah perajuk-perajuk dari UMNO. Atas alasan ini, pemimpin-pemimpin PN Bahagian Rembau adalah bekas pemimpin-pemimpin UMNO Rembau. PN Bahagian Rembau adalah wadah perajuk-perajuk UMNO.

34. Butir-butir Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agong, Party Negara Persekutuan Tanah Melayu, Rembau, pada 2hb. Februari, 1963.

35. Utusan Melayu, 2hb. Januari, 1963.

36. Lihat Warta Negara, 3hb. Mei, 1954.

## **PN REMBAU PARTI DATUK LEMBAGA**

Telah diperkatakan bahawa tanah Rembau adalah tada beradat. Sekiranya Datuk Haji Abdul Malik Yusoff dikatakan sebagai 'tiang seri' PN Negeri Sembilan, maka Baba Ludek adalah 'anjung balai'nya ke Institusi Undang Luak Rembau. Atas peranan ini, maka timbulah anggapan bahawa PN Rembau adalah Parti Datuk-Datuk Lembaga. "Hanya Datuk Raja Diraja Mohd Dom Yassin, seorang Datuk Lembaga Rembau yang masih patuh kepada UMNO Rembau."<sup>37</sup>

Dalam perkara ini, Baba Ludek telah mengakui, "Bahawa semenjak hari pertama Datuk (Datuk Raja Diraja Mohd Dom Yasin) berjumpa saya berkenaan Party Negara hingga ke Mesyuarat Datuk-datuk Lembaga..... Datuk yang menggesakan saya supaya hadir memberikan penerangan berkenaan Party Negara dalam mesyuarat itu. Hampir-hampir Datuk-Datuk Lembaga menjadi ahli dan setengah daripadanya menandatangani barang-barang itu di bawah batang hidung datuk sendiri. Bukananya dua, tiga yang tertawan tetapi hampir yang masuk dengan kehendak Datuk....."<sup>38</sup>

Datuk Sedia Raja Adnan Maah, Undang Luak Rembau sekarang pernah menegaskan bahawa, "telah ada pertemuan Datuk-datuk Lembaga, Rembau dan mereka merumuskan untuk berkecuali dalam urusan politik. Pertemuan itu telah diadakan pada awal tahun 1954".<sup>39</sup> Walaupun dasar perkecualian itu ada tetapi secara mutlaknya ia telah gagal dipatuhi.

"Tuanku Abdul Rahman, Yang Dipertua Agong UMNO Malaya.... melawat Negeri Sembilan..... kerana memberi penerangan dan memerhatikan sendiri perjalanan UMNO Negeri Sembilan. Di setengah-setengah tempat yang dikatakan sangat lemah terutamanya dalam Bahagian Rembau. Dalam lawatannya selama 8 hari itu, Tuanku.... menghabiskar masanya 3 hari di Rembau. UMNO Rembau dikatakan telah mendapat halangan dan rintangan dari Undang Luak sendiri, yang dikatakan menggunakan kaktangan kerajaan, Datuk-datuk Lembaga, ketua-ketua kampong dan lain-lain pihak yang dipengaruhi oleh Setiausaha Party Negara Rembau. Pegawai Jajahan Rembau juga dikatakan ada campurtangan."<sup>40</sup>

Sebelum pilihanraya tahun 1955, satu rombongan UMNO telah membuat tinjauan terhadap penglibatan institusi-insitusi Undang-undang Luak Negeri Sembilan dalam bidang politik. "Kami telah menemui Undang Luak Rembau, Undang Johol, Tengku Besar Tampin dan juga Datuk Naning. Di antara mereka berempat ini, hanya Undang Luak Johol sahaja yang tegas dan memberi pengakuan tidak akan melibatkan kelembagaannya dalam politik."<sup>41</sup>

"Semasa saya menjadi calon Perikatan tahun 1959 itu, saya sendiri terpaksa pergi menemui Allahyarham Datuk Lela Maharaja Haji Ipap, memohon agar beliau berkecuali dalam hal-hal siasah. Saya dapat beliau penuh khuatir dan ragu-ragu untuk menentukan pendiriannya."<sup>42</sup> "Sebenarnya sepanduk dan poster-poster bahkan bendera Party Negara pun dikibarkan di kawasan Balai Undang Rembau ketika Pilihanraya itu."<sup>43</sup>

37. Hasil temuramah penulis dengan Datuk Abdul Samad Idris, JMN., AMN., PJK, (Wisma Keramat, Kuala Lumpur). Bekas Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.
38. Majlis, 25hb. Jun, 1954.
39. Hasil pertemuan Hari Raya Puasa penulis dengan Datuk Sedia Adnan haji Maah, Undang Luak Rembau, (Balai Undang Rembau, Negeri Sembilan)
40. Utusan Melayu, 22hb. March, 1955.
41. Hasil temuramah penulis dengan Encik Abdul Hamid Mahmud, PJK, JP. (Rembau, Negeri Sembilan) Allahyarham. Bekas salah seorang anggota Exco pertama Negeri Sembilan.
42. Hasil temuramah penulis dengan Tuan Haji Redza Haji Mohd Said, (Balai resmi kediaman Undang Luak Rembau Rembau) Bekas Adun Terentang, Bekas Exco Negeri Sembilan.
43. Hasil temubual penulis dengan Abdul Jamil Lokmin, Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan,

Berdasarkan kepada alasan ini, walaupun terdapat dasar perkecualian dalam urusan politik Kelembagaan Rembau, mahu tidak mahu PN Rembau sebagai Parti Datuk-datuk Lembaga, harus diakui akan kebenarannya. Penglibatan Institusi ini secara mendalam adalah semasa pentadbiran Undang Luak Rembau yang ke 19, Datuk Lela Maharaja Haji Ipap bin Abdullah, antara tahun 1938-1952.

## PILIHANRAYA TAHUN 1955 DAN 1959

Sejauh mana kebenaran kata-kata J.M. Oullick bahawa PN itu tanpa mempunyai akar umbi yang kuat pada tapaknya di kawasan-kawasan desa, dan di kawasan-kawasan desa, akan cuba diperlihatkan kebenarannya di kawasan pilihanraya Negeri Sembilan Selatan atau kemudiannya dikenali sebagai kawasan Parlimen Rembau-Tampin, di mana kajian ilmiah ini ditumpukan.

Dalam pilihanraya nasional pertama Persekutuan Tanah Melayu pada 27hb. Julai, 1955, Negeri Sembilan telah dipecahkan kepada 3 konstituensi Persekutuan, yang mengandungi 12 buah kawasan Dewan Mesyuarat Negeri. Pilihanraya Dewan Mesyuarat Negeri Sembilan telah diadakan pada 12hb. Oktober, 1955.

Kawasan pilihanraya Persekutuan yang telah membahagikan Negeri Sembilan kepada 3 konstituensi itu pula merangkumi 4 buah kawasan Dewan Mesyuarat Negeri, bagi setiap satu kawasan Persekutuannya. Bagi konstituensi Persekutuan Negeri Sembilan Selatan rangkuman Dewan Mesyuarat Negerinya ialah Rembau, Tampin, Linggi dan Lukut.

Untuk pilihanraya pertama, sesudah Malaya merdeka dari penjajahan British pada 31hb. Ogos, 1957, satu ubahsuai konstituensi Persekutuan telah diadakan dalam mana "..... tiap-tiap kawasan pilihanraya 1955 telah dipecah dua, dengan ini menjadikan kerusi yang dipertandingkan dalam tahun 1959 ialah sebanyak 104 dan ahli yang dilantik dihapuskan."<sup>44</sup>

Negeri Sembilan telah diperuntukan 6 kerusi parlimen dan 24 buah kerusi Dewan Undangan Negeri. Konstituensi Persekutuan Negeri Sembilan Selatan, seperti yang dikenali pada tahun 1955, telah dirombak kepada 2 kawasan parlimen. Kawasan Parlimen Port Dickson dan kawasan Parlimen Rembau-Tampin. Kawasan Parlimen Rembau-Tampin itu pula mengandungi 4 buah kawasan Dewan Undangan Negeri iaitu Terentang, Kota, Tampin dan Gemas. Lihat peta, dalam lampiran 4 (empat).

Di Rembau PN cuba menjadi penentang UMNO. PN muncul ditengah-tengah pergolakan bangsa Melayu menuntut kemerdekaan. Sebuah tuntutan tajaan UMNO. Baba Ludek pernah mengulas bahawa, "Tujuan asal UMNO ditubuhkan ialah mempertahankan hak-hak pusaka Melayu daripada difaraidkan oleh bangsa-bangsa asing dalam negeri ini. Apa yang terjadi sekarang hak-hak siasah Melayu yang tunggal difaraidkan dengan tempikan Merdeka di sebalik tabir Perikatan. Ketahuilah semakin ramai sahabat UMNO semakin banyak kerugian kerusi Melayu hilang."<sup>45</sup>

Pada peringkat sebelum tahun 1957, walau bagaimana baik sekalipun saranan parti-parti lain selain daripada Perikatan, ia pasti gagal kerana pekikan merdeka Perikatan. Kemenangan cemerlang Perikatan 51 daripada 52 buah kerusi Persekutuan dan, "9 daripada 12 kawasan Majlis Mesyuarat Negeri Sembilan oleh Perikatan UMNO-MCA-MIC tanpa tentang<sup>46</sup> pada hari penamaan calon

Bagagian Dewan Undangan Negeri, Bekas.

44. Nik Abdul Rashid Nik Majid, Nusantara, Perlembagaan Negara-negara ASEAN, Satu Kajian Perbandingan, bil. 3, Januari, 1973, h.24.
45. Baba Ludek, 'Rencana Balasan' kepada Anak Semerah, Utusan Melayu, keluaran 27hb. Februari, 1955
46. Malaya Merdeka, 15hb. September, 1955.

September, 1955 itu, adalah bukti tarikan api kemerdekaan tajaan Perikatan. Kemenangan Perikatan itu, adalah undi kemerdekaan.

Dalam pilihanraya tahun 1955, konstituensi Negeri Sembilan Selatan yang mempunyai jumlah pengundi berdaftar seramai 18,677 itu, terdiri dari bangsa-bangsa Melayu 16,244 orang (87%), Cina 1331 orang (7.1%), India 1060 orang (5.7%) dan lain-lain bangsa seramai 42 orang (0.2%). Konstituensi Persekutuan ini telah ditandingi oleh calon-calon Perikatan dan PN. Pilihanraya tersebut telah dimenangi oleh calon Perikatan.

### **Keputusan Pilihanraya Persekutuan Kawasan Negeri Sembilan Selatan Tahun 1955.**

<u>Calon</u>	<u>Parti</u>	<u>Undi</u>
Abdul Jalil Aminuddin	Perikatan	12,099
Baba bin Ludek	Negara	3,590
Jumlah Undi		16,689
Undi rosak		326
Peratus keluar mengundi		85.9%
Bilangan Pendundi berdaftar		18,677 <sup>48</sup>

Untuk Dewan Mesyuarat Negeri, kawasan-kawasan Tampin, Linggi dan Lukut yang diletakkan di bawah konstituensi Negeri Sembilan Selatan itu telah dimenangi oleh calon-calon Perikatan tanpa bertanding pada hari penamaan calon lagi.

Cuma di kawasan Rembau sahajalah PN telah dapat mengadakan seorang calonnya dalam pilihanraya Majlis Mesyuarat Negeri Sembilan 1955. Pertandingan dua penjuru, di antara Abdul Hamid bin Mahmud dari Perikatan dengan Abdul Hamid bin Ebok dari PN itu, telah dimenangi oleh calon UMNO.

### **Keputusan Pilihanraya Dewan Mesyuarat Negeri, kawasan Rembau,Tahun 1955.**

<u>Calon</u>	<u>Parti</u>	<u>Undi</u>
Abdul Hamid Mahmud	Perikatan	5,162
Abdul Hamid Ebok	Negara	2,279
Jumlah Undi		7,541
Undi rosak		102
Peratus keluar mengundi		76.6%
Bilangan pengundi berdaftar		9,551 <sup>49</sup>

Dalam pilihanraya tahun 1959, kawasan Parlimen Rembau-Tampin sekali lagi merupakan pertandingan dua penjuru di antara calon Perikatan dengan calon PN. Sekali lagi dalam usaha Baba Ludek memenangi kerusi untuk PN telah gagal.

47. The Malay Mail, 26th. April, 1955.

48. T.E. Smith, Report on the First Election of Members to Legislative Council of the Federation of Malaya, (Kuala Lumpur, 1955) P.72.

49. Malaya Merdeka, 20hb. Oktober, 1955.

**Keputusan Pilihanraya Kawasan  
Parlimen Rembau-Tampin 1959**

<u>Calon</u>	<u>Parti</u>	<u>Undi</u>
Baba bin Ludek	Negara	4,369
Haji Redza Haji Mohd Said	Perikatan	9,487
Jumlah undi		14,123
Undi rosak		167
Peratus keluar mengundi		76%
Bilangan Pengundi berdaftar		18,571 <sup>"50</sup>

Dalam pilihanraya tahun 1959, seperti juga dalam Pilihanraya Dewan Mesyuarat Negeri, Negeri Sembilan 1955, PN telah tidak meletakkan calon-calonnya di luar Rembau.<sup>51</sup> Walaupun PN menyifatkan Rembau sebagai kubunya, tetapi seperti tahun 1955 juga, PN telah gagal untuk menawan kerusi kawasa<sup>a</sup>-kawasan Dewan Undangan Negeri Terentang dan Kota.

**Keputusan Pilihanraya Kawasan  
Dewan Undangan Negeri Terentang, Tahun 1959**

<u>Calon</u>	<u>Parti</u>	<u>Undi</u>
Siti Rahmah Haji Kasim	Perikatan	1617
Alias b. Abdul Rahman	Negara	1095
Mohd Nor Haji Ahmad	Bebas	668
Fatimah Haji Bahari	PMIP	205
Jumlah undi		3585
Undi rosak		76
Peratus keluar mengundi		81.2%
Bilangan Pengundi berdaftar		4,506 <sup>"52</sup>

**Keputusan Pilihanraya Kawasan  
Dewan Undangan Negeri Kota, Tahun 1959**

<u>Calon</u>	<u>Parti</u>	<u>Undi</u>
Mohd Yusoff b. Abdullah	Perikatan	2,320
Baba bin Ludek	Negara	1,915
Noordin bin Samad	PMIP	140
Jumlah undi		4,375
Undi rosak		75
Peratus keluar mengundi		83.6%
Jumlah Pengundi berdaftar		5,321 <sup>"53</sup>

- 
50. The Election Commission, Report on the Parliamentary and State Elections 1959 (Kuala Lumpur, 1959) p.53.
51. Dalam pilihanraya ini, Party Negara telah tidak mengadakan calonnya di kawasan Dewan Undangan Negeri Tampin dan Gemas, yang diletakkan di bawah kawasan Parlimen Rembau-Tampin.
52. The Election Commission, op cit. p.39.
53. Ibid, p.40

Walaupun PN telah berjaya mendapatkan sokongan dari 'kaum atasan' Rembau tetapi ia gagal mendapatkan kepercayaan 'kaum terbesar' Rembau. PN tidak mempunyai akar umbi yang kukuh pada tapaknya di desa-desa Rembau. "Party Negara tidak luas dan tidak ada persambungan dari desa ke desa, seperti apayang dibuat oleh UMNO. Party Negara berempok-tompok, terputus-putus hubungan... ya di antara satu kampung dengan kampung yang lain."<sup>54</sup>

Sebelum tahun 1957 terdapat sebanyak 76 buah cawangan PN seluruh Negeri Sembilan, tetapi tahun 1959, sebelum Pilihanraya Nasional 1959, ia telah mercosot kepada hanya 9 buah cawangan.<sup>55</sup> Kesemua 9 buah cawangan PN ini terdapat di daerah Rembau. Cawangan-cawangan Chembong, Seberang Batu Hampar, Rembau Pekan, Sepri terdapat dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Terentang. Sementara cawangan-cawangan Kampong Batu, Chengkau, Penajis, Gadong dan Legong Ulu terletak dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Kota.

Pentadbiran Cawangan-cawangan PN Rembau adalah tidak kemas. Cawangan-cawangan tersebut hanya berupa atas nama-namanya sahaja. "Semenjak saya dilantik selaku Ketua Petra Negara Bahagian Rembau, tidak pernah saya mendapat apa-apa minit mesyuarat cawangan-cawangan yang ada di daerah Rembau itu."<sup>56</sup>

Selain daripada tidak mempunyai akar umbi yang kukuh ditapaknya di desa-desa Rembau, pemimpin-pemimpin PN juga telah disyak wasangkan sebagai amat Melayu oleh bukan Melayu Rembau. Walaupun Baba Ludek pernah menegaskan bahawa, "..... a good percentage of members of the Rembau branch were Chinese."<sup>57</sup> tetapi pada hakikatnya, sebahagian besar pengundi-pengundi asing Rembau telah menyengkirkan PN dari senarai undian mereka.

Di kalangan pengundi-pengundi Melayu pula, pemimpin-pemimpin PN Rembau telah dilebelkan sebagai penyeleweng, yang menyelewengkan cita-cita bangsa Melayu. Datuk Haji Abdul Malik Yusoff, bekas Yang Terutama Gabenor Melaka, "..... semasa beliau menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan, pernah bertanyakan saya, bagaimana kita mahu merdeka, hendak buat cangkul, jarum pun belum tahu....."<sup>58</sup> kata-kata seperti ini telah menjadikan pengundi-pengundi Rembau berasa jauh hati dari PN.

Baba Ludek pula telah diberikan nama sebagai "Pembelot dan pemecah belah perpaduan penduduk Melayu Rembau."<sup>59</sup> Masyarakat beradat Perpatih Rembau menganggap bahawa PN adalah pemecah solidariti rakyat, walaupun PN berjaya mendapatkan sokongan dari "cream of society" Rembau.

Selain daripada kelemahan-kelemahan strategik PN, tokoh-tokoh yang ditentang oleh calon-calon PN seperti Abdul Jalil Aminuddin, Haji Mohd Redza Haji Said mahupun Siti Rahmah Haji Kassim, adalah mereka yang disegani. Abdul Jalil Aminuddin walaupun didatangkan dari luar Rembau, tetapi beliau adalah Ketua Perhubungan Perikatan Negeri Sembilan yang baik pada masa itu. Haji Mohd Redza adalah anak Rembau yang memang sudah dikenali. Beliau adalah bekas Mufti

54. Hasil temuramah penulis dengan Encik Abdul Hamid Mahmud, PJK, JP. (Rembau, Negeri Sembilan) Allahyarham, Bekas, Salah seorang anggota Exco pertama Negeri Sembilan.

55. Lihat Straits Times, 9th February, 1959.

56. Hasil temuramah penulis dengan Shamsuddin Dawa, (Kampong Semerbok, Kota, Negeri Sembilan) bekas Ketua Petra Negara Bahagian Rembau.

57. The Malay Mail, 19th May, 1954.

58. Hasil temuramah penulis dengan Encik Abdul Hamid Mahmud, PJK, JP. (Rembau, Negeri Sembilan) Allahyarham, Bekas salah seorang anggota Exco pertama Negeri Sembilan.

59. Hasil temuramah penulis dengan Encik Abdul Karim bin Muhammad, (Kampong Seberang Batu Hampar, Rembau, Negeri Sembilan) Bekas Setiausaha UMN O Cawangan Batu Hampar, Rembau.

Negeri Sembilan. Siti Rahmah Haji Kassim adalah Ketua Kaum Ibu Negeri Sembilan Selatan. Di antara tahun 1950-1951 beliau pernah dipilih sebagai Penolong Pegawai Penerangan II UMNO Malaysia, orang kedua sesudah Syed Jaafar Albar.<sup>60</sup>

PN, walaupun pada tahun awal penubuhannya menitikberatkan inter-communal integration, tetapi kerana pluralism masih amat teguh, ia telah surut kembali kepada babit-babit perkauman. PN bertukar corak ke arah memperjuangkan konsep Malayismnya. "Datuk Onn reverted to his original role as a champion of the Malay rights."<sup>61</sup>

Dalam konteks sebuah negara seperti Malaysia, sebuah parti politik yang disyak wasangkakan amat condong membela satu-satu kaum mahupun yang khusus ditubuhkan untuk satu-satu kaum, sudah pasti tidak akan tahan dan kekal lama. Parti bertekad ini tidak akan mampu menyediakan satu wadah yang dapat merentasi semua batas serta tembok perkauman yang merangkumi komponen masyarakat Malaysia.

## BIBLIOGRAFI

### (a) Artikel-artikel

Ishak bin Tadin, "Datuk Onn and Malay Nationalism 1946-1951", Journal of Southeast Asian History, Vol.1.No.1, Singapore (1960).;:56-88.

Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid, "Perlembagaan Negara-negara ASEAN. Satu Kajian Perbandingan", Nusantara. Bil.3, Kuala Lumpur (1973),h.1-24

Soh Eng Lim, "Tang Cheng Lock, His Leadership of the malayan Chinese", Journal of Southeast Asian History, Vol.II.No.I. Singapore (1960),pp.34-61.

### (b) Buku-buku

Amat Johari Moain, Sejarah Nasionalisma Maphilindo, Kuala Lumpur, 1969.

Gullick, John Micheal, Malaya, London, 1963.

Miller, Harry, Menace in Malaya, London, 1954.

Morais, J. Victor, Without Pear and Favour, Kuala Lumpur, 1976.

Muhamad Yunus Hamidi, Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung, Kuala Lumpur, 1961.

Pluvier, J. Neinhard, Southeast Asia From Colonialism to Independence, Kuala Lumpur, 1974.

Ratnam, K.J., Paham Perkauman dan Proses Politik di Melaya. Diterjemahkan oleh Kassim Ahmad, Kuala Lumpur, 1969.

Ratnam, K.J. and R.S. Milne, The Malayan Parliamentary Election of 1964, Kuala Lumpur, 1967.

Roff, William R., Nasionalisma Melayu. Diterjemahkan oleh Ahmad Boestaman Kuala Lumpur, 1975.

Scott, Roger, (ed.), The Politics of New States, London, 1970.

Shaw, William, Tun Razak, Life and Times, Kuala Lumpur, 1976.

60. Lihat Penyata UMNO Malaysia 1950-1951.

61. K.J. Ratnam and R.S. Milne, The Parliamentary Election of 1964, (Kuala Lumpur, 1967) p.55.

Short, Anthony, The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960, London, 1975.

Simorangkir Simandjuntak, B., Malayan Federalism 1945-1963, Kuala Lumpur, 1969.

Smith, Roger M., (ed.) Southeast Asia, Documents of Political Development and Change, New York, 1974.

Sopiee, Mohamed Noordin, From Malayan Union to Singapore Separation, Political Unification in the Malaysia Region 1945-1965, Kuala Lumpur, 1974.

Tan Chong Look, One Country, One People, One Government, Kuala Lumpur, 1949.

Tay Boon Seng, Recollections Of My Past, Malacca, 1969.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Looking Back, Kuala Lumpur, 1977

UMNO, Penyata Tahunan UMNO Malaysia 1950-1951, Kuala Lumpur, 1952.

UMNO, Penyata Tahunan UMNO Malaysia 1950-1951, Kuala Lumpur, 1952

Vasil, R.K., The Malaysian General Election of 1969, Kuala Lumpur, 1972.

Zainal Abidin bin Abd. Wahid, Sejarah malaysia Sepintas Lalu, Kuala Lumpur 1971.

(c) Fail-fail

Baba Ludek, Koleksi Persendirian Shahrom Mohamad Dom; No. 36, SS2/18, Petaling Jaya, Selangor.

Jawatankuasa Kerja Agong Party Negara 1954-1963.

Malaysia 1962-1963

Party Negara (guntingan akhbar) 1954-1963

Parti Pembangkang 1963-1964

Setiausaha Agung Party Negara 1957-1959

Yang Dipertua Party Negara 1962-1963

Malaysia, Kementerian Penerangan dan Penyiaran, Angkasapuri, Kuala Lumpur.

Election 1955-1959

Datuk Onn 1953-1962

Party Negara 1953-1965

UDP 1962-1965

(d) Penerbitan Kerajaan

Council of State Negeri Sembilan, 1948-1957, Seremban, 1957.

Report on the Parliamentary and State Election 1959, Government Printor, Kuala Lumpur, 1960.

Smith, Thomas Edward, Report on the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya. Government Printer, Kuala Lumpur, 1955.

(e) Suratkhabar-suratkhabar dan Majalah

Berita harian	1963
Kritik	1956-1957
Majlis	1954
Malaya Merdeka	1955
Singapore Standard	1953-1955
Straits Echo	1963-1963
Suara UMNO	1952-1954
The Malay Mail	1954-1962
The Straits Times	1954-1967
Utusan Malaysia	1947-1963
Warta Malaya	1954
Qalam	1951-1953